

Undi rakyat tak terikat dengan BR1M

➔ Tidak timbul isu rasuah jika tiada syarat dikenakan dalam pemberian rumah: PM

Oleh Adha Ghazali
dan Petah Wazzan Iskandar
bhnews@bh.com.my 15/1

► Baling

Rakyat tidak pernah dipaksa untuk mengundi Barisan Nasional (BN) dalam mana-mana pilihan raya, apatah lagi menjadikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebagai modal suapan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, menegaskan perkara itu ketika menjelaskan status BR1M yang didakwa sebagai rasuah oleh pembangkang, termasuk Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau menegaskan tidak timbul isu rasuah sekiranya tiada syarat

dikenakan dalam pemberian BR1M, malah rakyat berhak menentukan pilihan sendiri untuk mengundi berdasarkan prinsip demokrasi.

"Rasuah ialah kita beri syarat untuk undi UMNO atau BN... kalau saya kata esok hangpa undi UMNO boleh dapat BR1M dan undi pembangkang tak dapat, maka itu rasuah.

"Berbeza kalau saya kata BR1M kita beri kepada mereka yang berpendapatan RM3,000 atau RM4,000 ke bawah, tak kira sokong UMNO atau pembangkang... kalau begini mana datangnya soal rasuah.

Jaga kebajikan rakyat

"(Soal undi) itu hak dia (rakyat) dalam demokrasi. Sebagai kerajaan kita kena jaga kebajikan rakyat kerana itu tuntutan dalam Islam,"

katanya ketika berucap di hadapan kira-kira 23,000 rakyat sempena Program Sepetang Bersama Perdana Menteri di Padang Awam Kuala Ketil di sini, semalam.

Perdana Menteri turut mempersoalkan pendirian Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Timbalannya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, selepas masing-masing membisu ketika Mahathir mendakwa pemberian BR1M sebagai rasuah, sebelum membuat pusingan U.

Tak konsisten

"Saya kira parti bunga (PPBM) ini *consistently inconsistent* (secara berterusan tak konsisten) dalam banyak isu terutama BR1M.

"Pengerusi (Mahathir) cakap BR1M rasuah sebelum buat *u-turn* (pusingan U)... presiden dan tim-

balan presidennya pula membisu.

"Timbalan Presiden pula bapa dia kata haram (pergi Makkah atas tajaan 1Malaysia Development Berhad) dan tak dapat haji mabrur, tetapi waktu dia jadi MB (Menteri Besar Kedah) dia hantar kira-kira 20 orang orang naik haji (guna tajaan) 1MDB.

"Dalam hal ini anak kata lain dan bapa pula kata lain... apa makna ini? Bolehkah kita harap kepada mereka yang tak konsisten dalam perjuangan untuk membela rakyat," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri dalam ucapan sama turut menyatakan kesediaan untuk memberikan perhatian kepada usaha menaik taraf Kolej Universiti Insaniah (KUIN) kepada universiti penuh, sekiranya memenuhi syarat diperlukan untuk tujuan itu.